



Air pasang besar diramal berlaku September hingga Disember

Oleh [Ruwaida Md Zain](#) - September 10, 2022 @ 8:28am
bhnews@bh.com.my

SHAH ALAM: Penduduk daerah Klang disarankan berwaspada dengan fenomena air pasang besar dan Monsun Timur Laut yang dijangka berlaku mulai September hingga Disember ini.

Menurut Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, fenomena itu boleh membawa risiko banjir dan runtuh ban.

"Pada September ini, paras air laut tertinggi di Stesen Pelabuhan Klang dijangka berlaku pada 12 September iaitu 5.5 meter (m) pada jam 7.18 pagi

"Pada 11, 13 dan 28 September pula pada paras 5.4m sekitar jam 6.42 pagi hingga 7.49 pagi manakala 14, 27 dan 29 September, paras air laut pada 5.3m sekitar jam 6.52 pagi hingga 8.16 pagi," menurut kenyataan itu di Facebook rasminya.

Sehubungan itu katanya, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Klang (JPBD) mengingatkan semua warga Klang untuk sentiasa peka dan cakna dengan keadaan semasa alam sekeliling.

"Sentiasa mendapatkan maklumat terkini keadaan cuaca dan arahan lanjut pihak agensi kerajaan bertanggungjawab.

"Sekiranya terdapat laporan berhubung kejadian bencana warga Klang boleh menghubungi talian kecemasan seperti PDT Klang di talian 010-8691067 atau 03-33716700.

"Bilik Gerakan Bencana Daerah Klang akan turut dibuka mulai esok," katanya.

Pada masa sama, penduduk digalakkan sentiasa bersedia dengan satu beg kecemasan bencana (ready2go) di rumah.

"Sepanjang tempoh ini, penduduk dinasihatkan bersedia dengan beg khas dengan meletakkan barang seperti dokumen penting, wang tunai, air mineral, kit perubatan, kit kebersihan, tuala, pakaian, telefon bimbit," katanya.